

26/08/1999

Malaysia ambil pekerja mahir dari Indonesia

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia dan Indonesia bersetuju supaya pekerja mahir dan separuh mahir dari republik itu dibawa masuk ke negara ini, sebagai tambahan kepada kemasukan pekerja tidak mahir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kedua-dua negara juga bersetuju supaya kedatangan pekerja dari republik itu dibuat secara lebih teratur.

"Pada masa depan, kita akan berusaha supaya yang datang ke sini bukan saja pekerja tidak mahir, bahkan pekerja mahir dan separuh mahir," katanya kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Presiden B.J Habibie, di pejabatnya, di sini hari ini.

Ini adalah lawatan kedua Habibie ke Malaysia sejak dilantik sebagai Presiden Indonesia. Pertemuan hari ini adalah susulan kepada mesyuarat yang diadakan di Batam, Indonesia pada Mei lalu.

Delegasi Habibie seramai 80 orang termasuk Menteri Luar, Ali Alatas; Menteri Koordinator Ekonomi, Kewangan dan Industri, Ginandjar Kartasasmita; Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Wiranto; Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Rahardi Ramelan; dan Menteri Kehakiman, Muladi.

Ketika ini, hampir sejuta pekerja Indonesia, kebanyakannya tidak mahir, dilaporkan berada di negara ini. Masalah pekerja asing adalah satu daripada isu yang dibincangkan dalam lawatan kerja sehari Habibie ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk bekerjasama dalam pelbagai isu, termasuk usaha mengatasi masalah jerebu yang melanda kedua-dua negara.

Habibie pula berkata, Indonesia berhasrat meningkatkan kerjasama dalam segala bidang dengan Malaysia termasuk kebudayaan, ekonomi dan teknologi.

Beliau menyifatkan pertemuan hari ini sangat berkesan dan berlangsung dengan baik.

"Malaysia dan Indonesia mempunyai banyak persamaan, dan kita telah berbincang mengenai isu-isu dua hala dan pelbagai hala dalam Asean dan juga Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik," kata Habibie.

Dr Mahathir, ketika ditanya mengenai pertemuan empat matanya dengan Habibie sebelum mesyuarat dua hala, berkata banyak perkara dibincangkan dan mereka mendapat persetujuan secara umum.

Kepada soalan pemberita Indonesia mengenai pendirian kerajaan terhadap pelarian Aceh di negara ini, Dr Mahathir menegaskan, Malaysia tidak menyokong mana-mana usaha pelarian Aceh di sini untuk memisahkan wilayah itu dari Indonesia.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada pelarian Aceh di negara ini, mereka tidak diberi kebebasan untuk berbuat sesuatu yang boleh merosakkan Indonesia.

"Kita ada pelarian Aceh di sini, tetapi kita tidak beri apa-apa kebebasan kepada mereka untuk membuat sesuatu yang akan merosakkan Indonesia dan kita tidak memberi apa-apa sokongan kepada mereka.

"Malaysia tidak menyokong sebarang usaha untuk memisahkan mana-mana wilayah kerana kami juga terdedah kepada kemungkinan yang sama. Jika kami tolong pihak lain untuk berpisah dari sebuah negara jiran, mungkin kami menghadapi masalah yang sama," katanya.

Mengenai soalan wartawan asing sama ada Indonesia memandang berat laporan kononnya senjata ke Aceh dibawa melalui Malaysia, Habibie berkata

beliau tidak bimbang kerana semuanya terkawal.

"Tidak. Semua ini terkawal dan kami menjalankan tugas kami," katanya.

(END)